

Kerajaan akan dapat gred A - PM

Oleh ARIF AIMAN ASROL
dan HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri yakin Kerajaan Perpaduan masih mempunyai masa untuk melakukan yang lebih baik dan melaksanakan janji-janji reformasinya sehingga habis penggal.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan mengambil sikap positif berhubung penilaian gred D yang diberikan oleh Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) terhadap prestasi Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinannya.

Kata beliau, gred yang diberi oleh Bersih tidak menunjukkan kerajaan gagal memandangkan kerajaan masih baharu.

“Tidak mengapalah Bersih bagi D tapi bukan F. Mudah-mudahan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) D, SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) nanti naiklah A. Insha-Allah, (kerajaan masih) baru sangat,” katanya sewaktu sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan daripada Datuk Awang Hashim (PN-Pendang) yang memintanya mengulas mengenai gred yang diberikan Bersih kepada Kerajaan Perpaduan.

Terdahulu, media melaporkan, Bersih memberi penarafan gred D iaitu 45.8 peratus terhadap prestasi pemerintahan Kerajaan Madani dalam tempoh dua tahun ini mencetuskan perdebatan ramai.

Sebelum ini, Pengerusi Bersih, Muhammad Faisal Abdul Aziz berkata, pemarkahan yang diberi menunjukkan wujud jurang signifikan dari aspek ke-



ANWAR Ibrahim sewaktu sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat. semalam.

majuan, progres dan tindakan ke arah pelaksanaan reformasi.

Menurut beliau, pihaknya ingin menekankan bahawa manifesto pilihan raya tetap terikat walaupun parti lain menyertai gabungan dan ia sepatutnya memberikan kelebihan dalam memenuhi kesemua agenda reformasi.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, laporan Bersih mengenai pemberian peruntukan mengetepikan kenyataan bahawa beliau berunding dengan kerajaan sewaktu menjadi Ketua Pembangkang sebelum ini.

Kata beliau, dirinya mewa-

kili pembangkang mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri ketika itu dan hanya menerima draf yang dipinda, bukan draf awal.

“Larut pun sedia maklum bahawa pandangan kita kepada Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Fadillah Yusof) (adalah) jelas, (hanya) harus berunding.

“Tetapi nampak pembangkang keengganan berunding itu menyebabkan hal ini tertangguh. Jadi, kalau Pendang umpamanya bersetuju menjadi salah seorang perunding, boleh runding segera dan saya kalau boleh bersetuju (maka) kita terima,” katanya.